

1. Isikan tempat-tempat yang kosong dengan **PENANDA WACANA** yang disediakan di dalam petak bagi ayat-ayat di bawah ini.

namun demikian	tambahan pula	oleh sebab itu	di damping itu	lebih-lebih lagi
-------------------	------------------	-------------------	-------------------	---------------------

- a. Puan Juriah mengusahakan tanaman ciku secara komersial.
_____, dia juga melibatkan diri dalam penternakan lembu untuk menambah pendapatannya.
- b. Para pemandu dinasihatkan supaya berhati-hati apabila melalui selekoh yang tajam itu, _____ semasa hari hujan.
- c. Sahril yang merupakan juara bertahan dalam kejohanan tenis itu telah bermain bersungguh-sungguh dalam perlawanan akhir, _____ beliau tewas dalam perlawanan tersebut.
- d. Persekitaran yang kotor akan menyebabkan pelbagai penyakit,
_____ kita mestilah menjaga kebersihan persekitaran.
- e. Kehidupan keluarganya sangat susah kerana adik-beradiknya ramai.
_____, bapanya sudah lama meninggal dunia.
2. Tuliskan semula **PERKATAAN** yang terdapat dalam petak pada ruangan yang disediakan mengikut jenisnya.

awak	kami	kita	kalian	patik
beta	kamu	saya	anda	saudara

**KATA GANTI NAMA
DIRI PERTAMA**

**KATA GANTI NAMA
DIRI KEDUA**

3. Tulis semula **ERTI PERIBAHASA** di bawah pada peribahasa yang sesuai.

- Perempuan gemuk yang berjalan lenggang-lenggok.
- Memberi atau mengamalkan rasuah.
- Tidak tahu memilih mana yang baik dan mana yang buruk.
- Sepasang kekasih yang sama cantik, kalau disatukan kelak akan menjadi pasangan yang lebih cantik.
- Berkahwin dengan orang yang tinggal di kampung berlainan.

a. Melangkah sungai.

b. Cupak hanyut.

c. Tumbuk rusuk.

d. Mata kotak.

e. Seperti tanduk bersendi gading.

4. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Suruhan	Ayat Penyata	Ayat Larangan	Ayat Silaan	Ayat Permintaan
--------------	--------------	---------------	-------------	-----------------

- a. Tolong ambikan saya secawan air.
()
- b. Jangan petik bung aitu.
()
- c. Kami sekeluarga akan melancong ke Taiwan.
()
- d. Tolong belikan saya segugus anggur.
()
- e. Usah dikenang lagi perkara yang lalu.
()
- f. Jemput makan bersama-sama.
()
- g. Serahkan semua wang di dalam peti simpanan kamu sekarang juga.
()
- h. Sila beratur sebelum masuk ke dalam kelas.
()
- i. "Bersihkan kelas ini sebelum cikgu dating," kata Amirul kepada kawan-kawannya.
()
- j. Siapkan kerja sekolah ini sekarang.
()

5. Tuliskan semula ayat-ayat di bawah ini dengan membubuh **TANDA BACA** yang betul.

a. Amboi halusnya tenunan kain songket ini

b. Janganlah Amir mengangis lagi, pujuk Puan Hasnah.

c. Abang membeli buku gunting dan warna di kedai dekat rumah kami

d. Eh kamu pun bercuti di pulau ini

e. Nurul Sakinah ajarlah adik kamu bermain congkak

6. Isikan tempat-tempat kosong dengan **KATA HUBUNG** yang disediakan di dalam petak.

agar	apabila	padahal	sejurus	sementara
-------------	----------------	----------------	----------------	------------------

- a. Sofiah masih tidak membuat kerja rumah _____ guru-guru sudah berkali-kali menasihatinya.
- b. Siti mencuci pakaian _____ adiknya menyapu lantai.
- c. Pertahanan negara perlu diperkuat _____ keamanan negara sentiasa terjamin.
- d. Pak Samad terkejut _____ mendengar kejadian tersebut.
- e. _____ sebelum kejadian itu berlaku, mereka kelihatan bermain bola di tepi pantai.